

Bil. S 37

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU (PELABELAN), 2007

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Amaran tentang produk tembakau berasap.
4. Amaran pada bekas kecil produk tembakau berasap.
5. Amaran tentang produk tembakau tanpa asap.
6. Maklumat kesihatan dan sekatan jualan pada bekas rokok.
7. Mesej tidak boleh ditutup dll.
8. Larangan membawa masuk untuk diedarkan dll.

JADUAL PERTAMA — AMARAN TENTANG PRODUK TEMBAKAU BERASAP

**JADUAL KEDUA — AMARAN PADA BEKAS KECIL PRODUK TEMBAKAU
BERASAP**

JADUAL KETIGA — AMARAN TENTANG PRODUK TEMBAKAU TANPA ASAP

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU (PELABELAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 13 dari Perintah Tembakau, 2005, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Tembakau (Pelabelan), 2007 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tembakau, 2005.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"rokok" bermakna sebarang produk yang mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam kertas dan yang dalam bentuk yang boleh digunakan serta-merta untuk merokok;

"bekas" termasuk kotak, tin atau paket, tetapi tidak termasuk apa-apa pembalut luar;

"amaran kesihatan" bermakna sebarang amaran yang dikehendaki untuk dicetak pada bekas produk tembakau di bawah peraturan-peraturan 3, 4 atau 5;

"produk tembakau berasap" bermakna sebarang produk tembakau selain dari produk tembakau tanpa asap;

"produk tembakau tanpa asap" bermakna sebarang produk tembakau yang dimaksudkan, dilabel atau dinyatakan sebagai sesuai untuk disedut atau sebarang kegunaan oral selain dari merokok;

"pek lembut" bermakna bekas yang tidak tegar, mempunyai tab yang menutupi bekas itu yang boleh dibuka dengan cara biasa dan dari jenis yang biasa dikenali sebagai pek lembut.

Amaran tentang produk tembakau berasap.

3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4, hendaklah dicetak dengan jelas dan mudah dilihat pada setiap bekas produk tembakau berasap salah satu amaran yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Amaran yang disebut dalam peraturan kecil (1) —

(a) hendaklah dicetak, dalam Bahasa Inggeris pada satu permukaan dan dalam Bahasa Melayu pada permukaan lain —

- (i) pada permukaan luar apa-apa bekas berbentuk sfera produk tembakau;
- (ii) pada permukaan luar terbesar apa-apa bekas berbentuk silinder atau kon produk tembakau;
- (iii) pada 2 permukaan luar terbesar sebarang jenis bekas lain produk tembakau;

(b) hendaklah luasnya tidak kurang 50 peratus dari jumlah luas permukaan bekas yang padanya amaran itu dicetak;

(c) hendaklah menepati spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

(d) hendaklah, dalam hal sebarang bekas (selain dari pek lembut), diletakkan —

- (i) selari dengan tepi atas bekas itu, ke arah bahagian atas bekas itu seberapa yang dapat dengan memenuhi kehendak-kehendak perenggan (f); dan
- (ii) dalam arah yang sama dengan maklumat lain yang ada pada bekas itu;

(e) hendaklah, dalam hal pek lembut, diletakkan —

- (i) selari dengan tepi bawah pek lembut itu, ke arah bahagian bawah pek lembut itu seberapa yang dapat dengan memenuhi kehendak-kehendak perenggan (f); dan
- (ii) dalam arah yang sama dengan maklumat lain yang ada pada pek lembut itu; dan

(f) hendaklah dicetak dengan cara yang memastikan bahawa, apabila bekas itu dibuka atau ditutup dengan cara biasa —

- (i) tiada bahagian amaran itu dipadam atau menjadi tidak boleh dibaca; dan
- (ii) amaran itu tidak diputus atau diputus hanya pada sendi antara Bahagian-Bahagian I dan II amaran itu.

(3) Setiap amaran yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah dicetak secara bergilir-gilir pada bekas setiap jenis produk tembakau berasap supaya, dalam tempoh 2 tahun yang bermula dari tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini dan setiap tempoh 2 tahun yang berikutnya, setiap amaran terdapat seberapa yang boleh pada jumlah bekas yang sama bagi setiap jenis produk tembakau.

(4) Jika bekas yang disebut dalam peraturan kecil (1) dibuat dari kayu atau sebarang jenis bahan plastik boleh lentur, amaran yang dikehendaki untuk dicetak pada bekas itu di bawah peraturan ini —

(a) boleh dicetak pada label pelekat bersalut cermin yang ditampalkan dengan kemas pada bekas itu supaya tidak mudah tanggal; dan

(b) hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan ini dalam semua hal lain.

Amaran pada bekas kecil produk tembakau berasap.

4. (1) Jika permukaan luar bekas sebarang produk tembakau berasap mempunyai keluasan 9,000 milimeter persegi atau kurang, hendaklah dicetak dengan jelas dan mudah dilihat pada bekas itu salah satu amaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Amaran yang disebut dalam peraturan kecil (1) —

(a) hendaklah dicetak, dalam Bahasa Inggeris pada satu permukaan dan dalam Bahasa Melayu pada permukaan lain —

- (i) pada permukaan luar apa-apa bekas berbentuk sfera produk tembakau;
- (ii) pada permukaan luar terbesar apa-apa bekas berbentuk silinder atau kon produk tembakau;
- (iii) pada 2 permukaan luar terbesar sebarang jenis bekas lain produk tembakau;

(b) hendaklah luasnya tidak kurang 50 peratus dari jumlah luas permukaan bekas yang padanya amaran itu dicetak;

(c) hendaklah menepati spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

(d) hendaklah diletakkan —

(i) selari dengan tepi atas bekas itu, ke arah bahagian atas bekas itu seberapa yang dapat dengan memenuhi kehendak-kehendak perenggan (e); dan

(ii) dalam arah yang sama dengan maklumat lain yang ada pada bekas itu; dan

(e) hendaklah dicetak dengan cara yang memastikan bahawa, apabila bekas itu dibuka atau ditutup dengan cara biasa, tiada bahagian amaran itu diputus, dipadam atau menjadi tidak boleh dibaca.

(3) Setiap amaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dicetak secara bergilir-gilir pada bekas setiap jenis produk tembakau berasap yang disebut dalam peraturan kecil (1) supaya, dalam tempoh 2 tahun yang bermula dari tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini dan setiap tempoh 2 tahun yang berikutnya, setiap amaran terdapat seberapa yang boleh pada jumlah bekas yang sama bagi setiap jenis produk tembakau.

Amaran tentang produk tembakau tanpa asap.

5. (1) Hendaklah dicetak dengan jelas dan mudah dilihat pada setiap bekas produk tembakau tanpa asap salah satu amaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Amaran yang disebut dalam peraturan kecil (1) —

(a) hendaklah dicetak, dalam Bahasa Inggeris pada satu permukaan dan dalam Bahasa Melayu pada permukaan lain —

(i) pada permukaan luar apa-apa bekas berbentuk sfera produk tembakau;

(ii) pada permukaan luar terbesar apa-apa bekas berbentuk silinder atau kon produk tembakau;

(iii) pada 2 permukaan luar terbesar sebarang jenis bekas lain produk tembakau;

(b) hendaklah luasnya tidak kurang 50 peratus dari jumlah luas permukaan bekas yang padanya amaran itu dicetak;

(c) hendaklah menepati spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

(d) hendaklah diletakkan —

(i) selari dengan tepi atas bekas itu, ke arah bahagian atas bekas itu seberapa yang dapat dengan memenuhi kehendak-kehendak perenggan (e); dan

(ii) dalam arah yang sama dengan maklumat lain yang ada pada bekas itu; dan

(e) hendaklah dicetak dengan cara yang memastikan bahawa, apabila bekas itu dibuka atau ditutup dengan cara biasa, tiada bahagian amaran itu diputus, dipadam atau menjadi tidak boleh dibaca.

(3) Setiap amaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dicetak secara bergilir-gilir pada bekas setiap jenis produk tembakau tanpa asap supaya, dalam tempoh 2 tahun yang bermula dari tarikh permulaan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini dan setiap tempoh 2 tahun yang berikutnya, setiap amaran terdapat seberapa yang boleh pada jumlah bekas yang sama bagi setiap jenis produk tembakau.

Maklumat kesihatan dan sekatan jualan pada bekas rokok.

6. (1) Di samping amaran yang disebut dalam peraturan 3(1), hendaklah dicetak dengan jelas dan mudah dilihat pada setiap bekas rokok —

(a) paras nikotina yang dinyatakan dalam perpuluhan miligram bagi setiap batang rokok;

(b) kandungan tar yang dinyatakan dalam miligram bagi setiap batang rokok; dan

(c) perkataan-perkataan "NO SALE TO PERSONS UNDER 18" dan "TIDAK DIJUAL KEPADA ORANG-ORANG DI BAWAH 18 TAHUN".

(2) Paras nikotina dan kandungan tar dalam rokok yang masing-masing disebut dalam peraturan kecil (1)(a) dan (b) —

(a) hendaklah dalam huruf besar yang tingginya tidak kurang dari 2 milimeter;

(b) hendaklah dalam warna yang ketara kontrasnya dengan warna latar belakang bekas itu; dan

(c) tidak boleh dicetak di bahagian yang sama bekas yang padanya amaran yang disebut dalam peraturan 3(1) dicetak.

(3) Perkataan-perkataan yang disebut dalam peraturan kecil (1)(c) —

(a) hendaklah dalam huruf besar yang tingginya tidak kurang dari 2 milimeter;

(b) hendaklah dalam warna yang ketara kontrasnya dengan warna latar belakang bekas itu; dan

(c) tidak boleh dicetak di bahagian yang sama bekas yang padanya amaran yang disebut dalam peraturan 3(1) dicetak.

Mesej tidak boleh ditutup dll.

7. Jika amaran kesihatan, maklumat atau perkataan-perkataan yang dikehendaki untuk dicetak di bawah Peraturan-Peraturan ini mungkin ditutup atau dipadam dengan pembalut luar pada bekas itu, maka amaran kesihatan, maklumat atau perkataan-perkataan itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dicetak pada pembalut dan juga bekas itu.

Larangan membawa masuk untuk diedarkan dll.

8. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), tiada sesiapa pun boleh membekalkan sebarang produk tembakau di Negara Brunei Darussalam yang gagal mematuhi sebarang kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana orang boleh membekalkan produk tembakau di Negara Brunei Darussalam yang tidak mematuhi kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan ini jika —

(a) produk tembakau itu akan di eksport;



(b) produk tembakau itu tidak ditawarkan untuk jualan, dijual atau digunakan di Negara Brunei Darussalam; dan

(c) dia mematuhi kehendak-kehendak tersebut dan memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Ketua Pengarah.



JADUAL PERTAMA

(peraturan 3)



AMARAN TENTANG PRODUK TEMBAKAU BERASAP





Amaran 1





Amaran 2





Amaran 3



Amaran 4



Amaran 5



Amaran 6

Spesifikasi

1. Bahagian I hendaklah luasnya tidak kurang 50 peratus dari jumlah luas amaran.

2. Bahagian II hendaklah luasnya tidak kurang 35 peratus dari jumlah luas amaran.

3. (1) Bahagian I hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam perenggan kecil (2), diletakkan sejurus di atas Bahagian II.

(2) Dalam hal bekas berflip atas atau berengsel atas, jika luas permukaan luar flip atas yang padanya amaran itu dikehendaki untuk dicetak di bawah peraturan 3 tidak membolehkan Bahagian I untuk menepati perenggan 1 —

(a) Bahagian I hendaklah diletakkan sejurus di bawah Bahagian II; dan

(b) Bahagian II hendaklah dipamerkan pada permukaan luar flip atas.

4. Warna latar belakang hendaklah 100k kotak hitam.

5. Bagi teks "WARNING" dan "AMARAN", muka taip dan warna yang berikut hendaklah digunakan —

(a) muka taip *TradeGothic Bold*; dan

(b) warna 100m 100y/*Pantone Red 032*.

6. Muka taip *GillSans* dalam warna putih hendaklah digunakan bagi teks-teks yang berikut —

(a) "SMOKING CAUSES LUNG CANCER";

(b) "TOBACCO SMOKE CAN KILL BABIES";

(c) "TOBACCO SMOKE HARMS YOUR BABY";

(d) "SMOKING DAMAGES YOUR TEETH";

(e) "SMOKING KILLS";

(f) "SMOKING CAUSES IMPOTENCE";

- (g) "MEROKOK MENYEBABKAN KANSER PARU-PARU";
- (h) "ASAP TEMBAKAU BOLEH MEMBUNUH ANAK DAMIT";
- (i) "ASAP TEMBAKAU MEMBAHAYAKAN ANAK DAMIT AWDA";
- (j) "MEROKOK MEROSAKKAN GIGI AWDA";
- (k) "MEROKOK MEMBUNUH";
- (l) "MEROKOK MENYEBABKAN MATI PUCUK".

7. Resolusi bagi semua gambar pada bekas produk tembakau hendaklah minimum 300 dot bagi setiap inci.

8. Semua gambar dan teks hendaklah dicetak dengan menggunakan cetakan 4 warna.



JADUAL KEDUA

(peraturan 4)

AMARAN PADA BEKAS KECIL PRODUK TEMBAKAU BERASAP



Amaran 1



Amaran 2



Amaran 3

Spesifikasi

1. Warna latar belakang hendaklah 100k kotak hitam.
2. Bagi teks "WARNING" dan "AMARAN", muka taip dan warna yang berikut hendaklah digunakan —
 - (a) muka taip *TradeGothic Bold*; dan
 - (b) warna 100m 100y/*Pantone Red 032*.
3. Muka taip *GillSans* dalam warna putih hendaklah digunakan bagi teks-teks yang berikut —
 - (a) "SMOKING CAUSES CANCER";
 - (b) "SMOKING CAUSES HEART DISEASE",
 - (c) "SMOKING KILLS";
 - (d) "MEROKOK MENYEBABKAN KANSER";
 - (e) "MEROKOK MENYEBABKAN PENYAKIT JANTUNG";
 - (f) "MEROKOK MEMBUNUH".

JADUAL KETIGA

(peraturan 5)

AMARAN TENTANG PRODUK TEMBAKAU TANPA ASAP

**SMOKELESS TOBACCO
CAUSES MOUTH CANCER**

**TEMBAKAU TANPA ASAP
MENYEBABKAN KANSER MULUT**

Amaran 1

**SMOKELESS
TOBACCO KILLS**

**TEMBAKAU TANPA ASAP
MEMBUNUH**

Amaran 2

**SMOKELESS TOBACCO
CAUSES MOUTH
AND GUM DISEASE**

**TEMBAKAU TANPA ASAP
MENYEBABKAN PENYAKIT
MULUT DAN GUSI**

Amaran 3

Spesifikasi

1. Warna latar belakang hendaklah 100k kotak hitam.
2. Bagi teks "WARNING" dan "AMARAN", muka taip dan warna yang berikut hendaklah digunakan —

(a) muka taip *TradeGothic Bold*; dan

(b) warna 100m 100y/*Pantone Red 032*.

3. Muka taip *GillSans* dalam warna putih hendaklah digunakan bagi teks-teks yang berikut —

(a) "SMOKELESS TOBACCO CAUSES MOUTH CANCER";

(b) "SMOKELESS TOBACCO KILLS";

(c) "SMOKELESS TOBACCO CAUSES MOUTH AND GUM DISEASE";

(d) "TEMBAKAU TANPA ASAP MENYEBABKAN KANSER MULUT";

(e) "TEMBAKAU TANPA ASAP MEMBUNUH";

(f) "TEMBAKAU TANPA ASAP MENYEBABKAN PENYAKIT MULUT DAN GUSI".

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 28 haribulan Julai, 2007.

PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.